

CHOGRM-MAHATHIR
(1)

DARI IDZAN ISMAIL

¹⁹⁸⁷
SUVA (FIJI), 17 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG BEGITU PANTAS DITERIMA SEBAGAI JURUCAKAP UNGGUL BAGI DUNIA KETIGA JUGA NAMPAKNYA POPULAR DI KALANGAN RAKYAT FIJI.

KEDUA-DUA LAWATAN BELIAU KE NEGARA INI NAMPAKNYA TIDAKLAH TERBAZIR BEGITU SAHAJA MEMANDANGKAN PUJIAN YANG DIHAMBURKAN OLEH ORANG-ORANG FIJI UNTUKNYA.

+WALAU PUN BELIAU KERAP BERTERUS-TERANG DALAM UCAPAN-UCAPANNYA, BELIAU TETAP SEGAK, MUDAH DITEMUI DAN INGIN BERMESRA, TERUTAMA DENGAN PARA WARTAWAN, + KATA SEORANG PEMBERITA DARI SEBUAH AKHBAR HARIAN FIJI.

MALAH SEBUAH AKHBAR HARIAN TEMPATAN YANG TERKEMUKA - THE FIJI TIMES - TELAH MEMUATKAN KUIZ DALAM SUDUT KANAK-KANAKNYA DENGAN SOALAN: SIAPAKAH PERDANA MENTERI MALAYSIA?

PILIHAN JAWAPAN YANG 'IBERI' SHRI NARASIMHA, DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN ENCIK MAUMOON ABDUL GAYOOM.

JUGA YANG TELAH MENEMBUKMIN MINAT DI SINI IALAH PERBICARAAN PEMBUNUHAN DATUK TAHA TALIB. SEBUAH AKHBAR TEMPATAN TIDAK HANYA MELAPORKAN TENTANG PEMBUKAAN PERBICARAAN KES ITU, TETAPI NAMA-NAMA DATUK TAHA DAN YANG TERTUDUH MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DATUK MOKHTAR JUGA TERSIAR DALAM KUIZ TERSEBUT.

--LAGI 1540/AN

B546

CHOGRM-MAHATHIR 2 SUVA (FIJI)

NAMA-NAMA ITU DIMUATKAN DALAM SOALAN: SIAPAKAH WAKIL INDIA KE PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMENWEL AGIA-PASIFIK (CHOGRM) SEKARANG?

KENYATAAN-KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR DI PERSIDANGAN ITU JUGA MEMENUHI RUANG-RUANG AKHBAR DI SINI, TETAPI KENYATAAN-KENYATAAN ITU KERAP PULA DISALAHPETIK.

AKIBATNYA PANGGILAN TELEFON YANG BERULANG KALI DIBUAT KEPADA AKHBAR BERKENAAN DAN PEMBETULAN DIBUAT. MALANGNYA TELAH TIMBUL PULA SATU KESILAPAN LAIN DALAM PEMBETULAN ITU.

DI SAMPING ITU BERLAKU JUGA KEKELIRUAN KETIKA MENAMAKAN SEORANG TOKOH YANG BER CERMIN MATA DALAM SEBUAH AKHBAR TEMPATAN YANG MENYEBUT TOKOH TERSEBUT SEBAGAI DATUK SERI DR. MAHATHIR.

SETELAH PANGGILAN TELEFON DIBUAT, AKHBAR TERSEBUT MEMINTA MAAF DAN MENURUT AKHBAR ITU +KAMI TERSEKAP. TOKOH DALAM GAMBAR ITU SEBENARNYA IALAH PRESIDEN MALDIVES, ENCIK MAUMOON ABDUL GAYOOM.